

15/07/1998

Soh tidak buat laporan polis

TIADA sebarang laporan polis yang dibuat Datuk Soh Chee Wen terhadap Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik atau anaknya, berhubung masalah di syarikat broker saham Omega Securities, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong).

"Setakat ini tiada sebarang laporan polis yang dibuat Soh terhadap Dr Ling yang juga Presiden MCA, ataupun anaknya berhubung perkara yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, iaitu berkaitan dengan apa yang dipaparkan di dalam Internet.

"Adalah didapati bahawa kandungan artikel-artikel di dalam internet itu merupakan tuduhan yang berbentuk surat layang.

"Oleh yang demikian, tidak timbul persoalan mengenai integriti seorang menteri Kabinet," jelas Perdana Menteri.

Pada 20 Jun lalu, Sin dalam satu kenyataan mendakwa beliau sudah menamakan seorang ahli perniagaan dalam aduan polis berhubung masalah di syarikat broker saham Omega Securities.

Lesen perniagaan Omega Securities ditarik balik pada 5 Jun lalu dan ia diletakkan di bawah tanggungan pada 9 Jun, apabila gagal memenuhi syarat tabungan minimum Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Pada pertengahan Januari lalu, BSKL mengarahkan semua firma broker saham melaporkan pendedahan urusan niaga terhadap Soh dan maklumat lain.

Maklumat itu termasuk transaksi sekuriti, kuantiti saham, nilai pendedahan identiti mereka atau korporat terbabit, hubungan dan nama akaun orang yang dicalonkan.

(END)